

# 'Seleweng bas mini mesti dihentikan'

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Menteri Perusahaan Awam, Datin Paduka Rafidah Aziz hari ini mengancam pengusaha-pengusaha bas mini yang menggunakan "jalan dekat" untuk mendapat untung dengan memajakkan permit mereka kepada orang lain.

Bellau bimbang jika penyeleweng itu diteruskan, ia boleh menggalkan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan yang cekap dan mahir dalam sistem perkhidmatan pengangkutan di negara ini.

Berucap di majlis dialog dengan pengusaha bas mini di sini, bellau berkata, plahknya menerima berbagai maklumbalas tentang kegiatan pengusaha bas mini memajakkan permit-permit mereka.

"Ada antara mereka yang memajakkan permit sehingga 1990, sedangkan tiap-tiap permit sah tujuh tahun sahaja," ujarnya.

Menurutnya, maklumbalas menunjukkan pengusaha-pengusaha bas mini memajakkan permit mereka dengan dua alasan iaitu "susah hendak mengendalikannya bas mini sendiri" dan "rugi kalau menjalankan bas sendiri."

Bellau berkata, permit-permit itu kebanyakan

nya dipajakkan dengan wang cagaran \$3,000 dan bayaran harian \$90.

Datin Paduka Rafidah menegaskan, bellau tidak dapat menerima alasan pengusaha-pengusaha itu untuk memajakkan permit mereka kerana "jika perusahaan itu tidak menguntungkan, sudah tentu tidak ada orang yang sanggup membayar cagaran lebih \$3,000 untuk menjalankan bas mini."

## Bersih

Bellau memberi amaran, tempoh sah permit mereka yang melakukan penyeleweng itu tidak akan diperbaharui apabila tempoh permit itu tamat.

Kepada pengusaha-pengusaha bas mini yang mempunyai satu permit bagi satu bas yang menjalankan perkhidmatan dengan cemerlang dan tanpa melakukan kesalahan yang berat, Datin Paduka Rafidah memberi jaminan akan menimbang permohonan mere-

ka untuk menambah bilangan bas.

Tetapi, peluang itu akan diberikan hanya kepada pengusaha yang benar-benar berjaya dan mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih.

Katanya, Lembaga Pelesenan dan Pengangkutan Jalan (LPPJ) sedang menimbang permohonan 44 syarikat dan koperasi untuk mendapatkan 100 permit bas mini.

Bellau menjelaskan, dari lebih 1,053 permohonan yang diterima, lembaga itu terpaksa menolak 1,009 permohonan tanpa dipanggil temuduga kerana tidak mencukupi syarat dan permintaan dari orang perseorangan.

Datin Paduka Rafidah berkata, dasar kerajaan sekarang ialah untuk memberikan permit pengangkutan awam kepada syarikat-syarikat dan koperasi yang mempunyai ramai ahli bagi menjamin perkhidmatan itu dikendalikan dengan cekap dan berkesan.



■ DATIN PADUKA RAFIDAH

Bellau lalu menggesa pemilik-pemilik permit bas mini perseorangan supaya menubuhkan gabungan untuk mengendalikannya perkhidmatan secara perkongsian atau melalui konsortium.

Dengan cara ini, katanya, mereka akan dapat mengurangkan persaingan dan menjimatkan perbelanjaan operasi.